

PERKEMBANGAN LATIHAN PERGURUAN DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU: *NORMAL CLASS*, 1906-1917

Siti Aisyah Binti Abdullah
Noraini Mohamed Hassan

Abstract

This paper examines how the British administration of the Federated Malay States (FMS) developed Normal Class to improve teacher training in English schools from 1906 to 1917. The 1902 Education Act, which made significant provisions for secondary and technical education and led to the rapid growth of training colleges in England and Wales, had an effect on the development of teacher training for English schools in the FMS. Following the suggestion of R.J. Wilkinson, Normal Classes for the training of assistant teachers commenced in January 1905 at the Victoria Institution. Initially, students from Victoria Institution and the Methodist Boy's School were used to test the effectiveness of Normal Class. The success of Normal Class at Victoria Institution led to the opening of more such classes in the states of Perak, Melaka and Penang. Teacher training was emphasized to not only improve the quality of education in English schools but also to attract foreign investors to advance the economy especially of urban areas. This article focuses on the implementation of Normal Classes in Selangor and Perak. It has been found that, prior to the First World War, Normal Classes in Kuala Lumpur turned out to be more successful than in Perak. Teacher training in Kuala Lumpur, the administrative centre of the FMS, was desired to increase the number of local officials capable of speaking English in government departments. There was also considerable demand among capitalists for Normal Classes in English schools.

Pengenalan

Istilah *Normal School* merujuk kepada sekolah yang mula diwujudkan di Amerika Syarikat, Kanada dan Eropah semata-mata untuk melatih pelajar sekolah menjadi guru. Dalam istilah lain, *Normal School* juga dikenali sebagai 'teachers' colleges' iaitu maktab perguruan. Hampir keseluruhan *Normal School* di Amerika Syarikat, Kanada dan Eropah dikembangkan oleh mubaligh-mubaligh Kristian. Hal ini dapat dibuktikan daripada pembukaan *Normal School* yang pertama iaitu *The Ecole Normale* oleh St Jean Baptise de La Salle pada tahun 1685 di Perancis.¹ Istilah "Normal" di sini merujuk kepada matlamat institusi ini untuk menanamkan dan menguatkan norma-norma tertentu seperti tingkah laku yang spesifik, ideologi dan penguasaan kurikulum dalam kalangan guru pelatih. Langkah ini bukan sahaja bertujuan agar tenaga pengajar yang dilahirkan melalui institusi ini nanti dapat melahirkan generasi muda yang menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M), bahkan, ia juga secara tidak langsung memberi sumbangan dalam membangunkan ekonomi perindustrian negara.

Perkembangan *Normal School* di England dan Wales turut mempengaruhi pembangunan *Normal School* dalam empayar British seperti di India, Sri Lanka, Afrika, Negeri-Negeri Selat (NNS) dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Pentadbiran British di NNS dan NNMB tidak menyediakan *Normal School* (maktab perguruan khas) seperti di England dan Wales sebaliknya menyediakan latihan perguruan di bilik darjah. Langkah ini dilakukan kerana diyakini dapat mengatasi masalah kewangan British. Hal ini merupakan salah satu sebab

mengapa latihan perguruan bagi guru-guru sekolah Inggeris lebih dikenali sebagai *Normal Class* dan bukannya *Normal School*. Walaupun demikian, norma-norma yang ditekankan dalam *Normal Class* di NNS dan NNMB adalah sama seperti di England dan Wales.

Normal Class yang pertama didirikan pada tahun 1905 di bawah arahan R.J. Wilkinson (Nazir Sekolah Persekutuan) di Institut Victoria, Kuala Lumpur. Kejayaan *Normal Class* di Institut Victoria membawa kepada perkembangan *Normal Class* di Perak, Melaka, Pulau Pinang dan Singapura.² Sebelum Perang Dunia Pertama, terdapat tiga buah *Normal Class* di NNMB iaitu di Kuala Lumpur (Institut Victoria), Ipoh (Anderson School) dan Taiping (King Edward VII School). Walaupun British di NNMB mengambil inisiatif untuk memajukan *Normal Class* di ketiga-tiga buah pusat tersebut namun kejayaan *Normal Class* nampak lebih ketara di Institut Victoria berbanding di Ipoh dan Taiping. Kejayaan ini dapat diukur dalam aspek bilangan guru pelatih yang mengikuti latihan perguruan dan juga tenaga pengajar yang lebih produktif di Kuala Lumpur.

SEJARAH LATIHAN PERGURUAN DI SEKOLAH INGGERIS

Latihan perguruan di Malaysia merupakan satu proses evolusi yang berlaku secara beransur-ansur sejak zaman pentadbiran British dan berterusan sehingga kini. Latihan perguruan bagi sekolah Inggeris berjalan selari dengan pembangunan pendidikan di England dan Wales yang tertakluk kepada Akta Pendidikan tahun 1870, 1902, 1918, 1921 dan 1944.³ British di NNS dan NNMB menggunakan pelbagai kaedah untuk melatih guru seperti yang diamalkan di England dan Wales. Langkah ini bertujuan untuk memenuhi masalah kekurangan guru di sekolah Inggeris. Latihan perguruan yang pernah dijalankan di NNS dan NNMB adalah seperti berikut :- 1) *the monitorial system*, 2) *the pupil-teacher system*, 3) *the student-teacher system*, 4) *training colleges for non-graduates*, dan 5) *University training departments for graduates*.

Monitorial system ataupun *Bell-Lancaster method* merupakan latihan perguruan yang tertua di dunia. Sistem ini diperkenalkan oleh Dr Andrew Bell dan Joseph Lancaster pada abad ke-19 untuk mengurangkan kadar buta huruf dalam kalangan pekerja kilang.⁴ Ini kerana pekerja-pekerja kilang yang buta huruf menyumbang secara langsung kepada penurunan hasil pengeluaran bahan kilang ekoran ketidakupayaan mereka mengeluarkan idea untuk meningkatkan kualiti hasil pengeluaran. Keadaan buta huruf dalam kalangan pekerja juga menyukarkan majikan menyediakan latihan bagi meningkatkan kemahiran mereka. Akhirnya, hasil pengeluaran kilang Britain sukar untuk bersaing dengan negara Eropah lain seperti Perancis. Walaupun kaedah yang diperkenalkan ini membimbangkan para kapitalis di England, namun ia memberi laluan kepada mereka untuk menyusun langkah-langkah bagi memajukan pendidikan di England.⁵

Salah satu aspek penting dalam *monitorial system* adalah penggunaan bantuan murid yang lebih tua untuk mengajar murid yang lebih muda. Penggunaan murid tua adalah penting bagi mengurangkan beban guru dan mengurangkan masalah buta huruf dalam kalangan pelajar miskin. Sistem ini merupakan cara yang murah untuk menjadikan pendidikan rendah lebih inklusif selain mengurangkan perbelanjaan kerajaan bilamana kerajaan British memperuntukkan kos sebanyak lima syiling setahun bagi melahirkan guru.⁶ Hal ini bukan sahaja dapat memastikan rakyat yang miskin menerima sekurang-kurangnya pendidikan yang bermutu rendah, malah memberi keuntungan maksimum kepada golongan kapitalis. Secara ringkasnya, *monitorial system* merupakan salah satu tindak balas ahli politik untuk mengurangkan buta huruf dalam kalangan rakyat yang miskin dan meningkatkan hasil pengeluaran kilang.

Walau bagaimanapun, *monitorial system* terpaksa dimansuhkan pada pertengahan abad ke-19 kerana gagal melahirkan murid-murid yang benar-benar menguasai 3M. Kajian Pam Hirsch dan Mary Hilton membuktikan kegagalan sistem ini mempunyai kaitan dengan kos pendidikan yang murah selain kurang diminati oleh rakyat Britain terutama rakyat kelas bawahan.⁷ Selain itu, tiada kesedaran ibu bapa, kemiskinan keluarga, sikap pelajar, kekurangan bahan bantu mengajar dan kemudahan infrastruktur juga menyebabkan pendidikan dalam kalangan rakyat kelas bawahan di Britain berada pada tahap rendah.⁸ Kegagalan ini telah membawa kepada pengenalan *pupil teacher system* di England dan tanah jajahan British.

Pupil teacher system diperkenalkan oleh Sir James Kay Shuttleworth pada tahun 1846 bertujuan untuk membangunkan pendidikan di sekolah rendah.⁹ Kajian Jane McDermid membuktikan sistem ini disebar luas di kawasan luar bandar di Britain untuk mengatasi masalah kekurangan guru.¹⁰ Dalam pada itu, kajian Jane juga memperlihatkan *pupil teacher system* menjadi daya tarikan kepada penduduk kelas pertengahan bagi meningkatkan bilangan guru di England. Sistem ini mengalami penambahbaikan apabila Akta Pendidikan 1870 dikuatkuasakan di Britain.¹¹ Akta ini mewajibkan kanak-kanak yang berumur antara lima hingga 12 tahun di England dan Wales untuk mengikuti pelajaran di sekolah. Hal ini bukan sahaja meningkatkan bilangan sekolah dan pelajar di kawasan luar bandar malah meningkatkan permintaan tinggi terhadap guru. Mereka yang dipilih adalah lepasan sekolah rendah yang berumur 13 tahun yang telah menguasai kemahiran 3M.¹² Pemilihan dilakukan oleh guru besar dan mereka dikehendaki menghantar nama calon yang layak kepada Jabatan Pelajaran. Selain itu, guru besar juga terlibat secara langsung dalam penempatan *pupil teacher* di sekolah.

Beberapa langkah diambil untuk memantapkan latihan perguruan melalui *pupil teacher system*. Pertama, *pupil teacher* menerima latihan mengajar daripada guru besar pada setiap hari selepas waktu persekolahan iaitu selama tujuh jam tiga puluh minit seminggu sebelum menjadi guru penolong.¹³ Kedua, *pupil teacher* dikehendaki menduduki peperiksaan selepas enam bulan berdaftar. *Pupil teacher* yang lulus peperiksaan pada tahun pertama sahaja dibenarkan menduduki peperiksaan pada tahun kedua dan layak menerima geran peperiksaan.¹⁴ Ketiga, Nazir Sekolah (*Inspector of Schools*) pula bertanggungjawab memantau dan memerhatikan perjalanan latihan mengajar dan kemajuan *pupil teacher*.

Walaupun kerajaan British memperuntukkan kos yang tinggi untuk menjayakan *pupil teacher system*, namun ia terpaksa dimansuhkan selepas Akta Pendidikan 1902 diperkenalkan di England dan Wales.¹⁵ Pengenalannya bertujuan menyeragamkan dan menaik taraf sistem pendidikan ekoran desakan para kapitalis dan ahli politik dari Parti Konservatif yang mahukan martabat profesion perguruan dipertingkat bagi memajukan ekonomi Britain. Langkah ini dianggap penting bagi melahirkan masyarakat perindustrian, apatah lagi kerajaan British ketika itu menghadapi persaingan sengit dengan kuasa-kuasa lain bagi memperluas tanah jajahan. Hal ini menjadi penyebab utama penubuhan sekolah menengah dan maktab perguruan (*Normal School*) di England dan tanah jajahan British.¹⁶ Bukan itu sahaja, kurikulum yang komprehensif seperti geometri, sejarah, fisiologi, ekonomi politik, mental dan *natural philosophy* diperkenalkan dalam *Normal Class* semata-mata untuk melahirkan guru-guru yang lebih berkualiti berbanding *pupil teacher system*. Justeru itu, adalah jelas bahawa latihan perguruan di England dan Wales bersifat dinamik dan holistik yang sentiasa berubah mengikut keperluan masa dan persekitarannya.

Perkembangan *Normal Class* di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1906-1917

Pada awalnya, *pupil teacher system* dan *monitorial system* digunakan untuk melatih guru-guru tempatan di semua sekolah Inggeris di NNMB tetapi ia gagal kerana guru-guru tempatan yang dihasilkan tidak dapat menguasai Bahasa Inggeris dengan baik. Hal ini mendesak British mengambil langkah segera untuk memperkenalkan latihan perguruan yang lebih berkualiti. Pada masa yang sama, perkembangan sistem pendidikan di England dan Wales pada tahun 1900-an turut memberi implikasi yang besar terhadap pengenalan profesion perguruan yang lebih berkualiti terutama bagi sekolah Inggeris. Susulan itu, *Normal Class* diperkenalkan di NNMB. *Normal Class* yang pertama dibuka buat pertama kalinya di Institut Victoria pada Januari 1905.¹⁷ Apa yang menarik adalah Nazir Sekolah Persekutuan pada ketika itu iaitu R.J. Wilkinson telah memberi ruang dan peluang kepada Institusi Victoria sebagai tapak untuk menguji keberkesanan *Normal Class*.¹⁸ Hal ini memang bertepatan dengan hasrat kerabat diraja dan para kapitalis untuk memajukan pendidikan di negeri Selangor .

Bagi mengukuhkan *Normal Class* di Institut Victoria, British melantik Tyte, Guru Besar Institut Victoria untuk mengelola latihan perguruan dengan berkesan.¹⁹ Di bawah pemantauannya, *Normal Class* di Institut Victoria dijalankan selepas waktu persekolahan, iaitu pada pukul 2.00 petang. Faktor utama latihan perguruan ini dijalankan pada sebelah petang adalah bagi memudahkan pelajar lelaki Institut Victoria dan Methodist School yang berumur 16 tahun menjalani latihan perguruan tanpa sebarang halangan.²⁰ Selain itu, British juga menetapkan bahawa seseorang guru pelatih diwajibkan mengikuti pendidikan menengah pada sebelah pagi sebelum menjalani latihan perguruan pada sebelah petang. Langkah ini bertujuan agar guru-guru tempatan di sekolah Inggeris mempunyai kelayakan akademik yang tinggi berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Selain itu, guru-guru pelatih di *Normal Class* juga terdiri daripada pelajar lepasan sekolah Inggeris yang gagal menyambung pengajian ke luar negara dan pelajar yang tidak berpeluang menjadi kerani. Hal ini disebabkan gaji yang ditawarkan kepada guru sekolah Inggeris lebih tinggi daripada kerani.

Latihan intensif yang diberikan kepada guru-guru pelatih di *Normal Class* telah melahirkan guru-guru tempatan sekolah Inggeris yang lebih berkualiti.²¹ Selain itu, kawalan disiplin yang dipelajari di *Normal Class* juga mendedahkan guru-guru tempatan kepada kaedah menangani masalah disiplin di sekolah. *Inspektor of Schools* Selangor misalnya memuji guru-guru tempatan yang dihasilkan melalui *Normal Class* kerana mempunyai kemampuan setaraf dengan guru Eropah dan boleh menjaga disiplin pelajar seramai 200 orang.²² Hal ini bukan sahaja menunjukkan guru-guru tempatan yang dihasilkan melalui *Normal Class* lebih komited bahkan menjadi pemangkin untuk membangunkan ekonomi di bandar seperti Kuala Lumpur.

Salah satu usaha yang diambil oleh pentadbiran British bagi memastikan *Normal Class* dapat beroperasi dengan cemerlang di NNMB adalah dengan mewujudkan peraturan yang ketat.²³ Pertama, *Normal Class* ditubuhkan di beberapa pusat di mana guru-guru yang mempunyai kepakaran dalam pelajaran diberi tanggungjawab untuk melatih guru-guru pelatih. Kedua, calon yang ingin mengikuti *Normal Class* dipilih oleh guru besar terlebih dahulu sebelum namanya dikemukakan kepada *Inspector of Schools*. Walaupun demikian, pemilihan calon yang berkelayakan terletak di tangan Pengarah Pelajaran.²⁴ Ketiga, calon yang terpilih terdiri daripada guru-guru tidak terlatih ataupun pelajar yang berminat untuk menjadi guru dan telah mencapai umur sekurang-kurangnya 16 tahun. Selain itu, calon juga diwajibkan tamat sekolah menengah ataupun sedang mengikuti pengajian di sekolah menengah.²⁵ Keempat, kursus *Normal Class* dikategorikan kepada dua kelas iaitu pelajar tahun pertama dan pelajar tahun kedua. Kesemua pelajar tahun pertama dan kedua di *Normal Class* diperiksa sendiri oleh Pengarah Pelajaran.

Kelima, pelajar yang lulus peperiksaan pada tahun pertama berpeluang menjadi pelajar tahun kedua, manakala, pelajar yang gagal pula dibenarkan mengulang semula pengajian tahun pertama. Keenam, guru pelatih yang lulus peperiksaan pada tahun kedua layak menerima sijil perguruan dan bonus sebanyak \$200. Ketujuh, guru pelatih dikehendaki menjalani praktikum di sekolah masing-masing. Selain itu, Pengarah Pelajaran juga perlu memastikan guru pelatih mendapat bantuan yang maksimum daripada guru besar di sekolah masing-masing dalam aspek teori dan praktikal.

Sementara itu, kejayaan *Normal Class* di NNMB juga dipengaruhi oleh kurikulumnya yang lebih mencabar berbanding dengan kurikulum *pupil teacher system*. Mata pelajaran yang diajar pada tahun pertama dan tahun kedua adalah berbeza. Mata pelajaran yang diajar di *Normal Class* mengalami perubahan seiring dengan dasar kerajaan. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan mata pelajaran yang diajar pada tahun 1909 dan 1912 sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Berdasarkan Jadual 1, didapati mata pelajaran yang diajar pada tahun 1909 dan 1912 adalah berbeza. Kurikulum pada tahun 1909 lebih berasaskan 3M (membaca, menulis dan mengira). Aspek yang membezakan antara kurikulum pada tahap pertama dan kedua ialah aras kesukaran. Hal ini jelas apabila pada tahap pertama, pelajaran tahun IV diberi penekanan dan menjadi lebih sukar lagi dengan penerapan sukatan pelajaran berasaskan tahun VII dan *Junior Cambridge* pada tahap kedua. Kurikulum tahap pertama dan tahap kedua bagi tahun 1912 pula menjadi lebih kompleks dengan pengenalan *Junior Cambridge* dan *Senior Cambridge*. Pada tahun 1912, mata pelajaran seperti Aritmetik, Geografi, Pengetahuan Am dan Peristiwa Semasa diperkenalkan di *Normal Class* untuk memastikan guru-guru tempatan mempunyai ilmu pengetahuan yang lebih tinggi berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Ternyata, British melakukan perubahan dan penambahbaikan dalam *Normal Class* bagi memastikan guru-guru tempatan yang dilahirkan mempunyai pemikiran aras tinggi seiring dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan ekonomi di kawasan bandar.

Jadual 1: Kurikulum *Normal Class* Pada Tahun 1909 dan 1912

Tahun Pengajian	1909	1912
Tahun Pertama	<p>Wajib:</p> <p>a) Pengajaran Amali (kelas tidak melebihi Darjah IV)</p> <p>b) Teori Pengajaran</p> <p>c) Karangan dan Parafrasa Bahasa Inggeris</p> <p>d) Lukisan (<i>Freehand</i> dan <i>Blackboard</i>)</p> <p>Pilihan:</p> <p>a) Algebra dan Persamaan Asas</p> <p>b) Geometri Asas</p>	<p>a) Aritmetik (<i>Junior Cambridge Local Standard</i>)</p> <p>b) Rencana</p> <p>c) Karangan Bahasa Inggeris</p> <p>d) Tatabahasa Bahasa Inggeris</p> <p>e) Pengajaran Amali</p> <p>f) Geografi</p> <p>g) Teori Pengajaran</p> <p>g) Lukisan (<i>Freehand</i> dan <i>Blackboard</i>)</p> <p>h) Pengetahuan Am dan Peristiwa Semasa</p>
Tahun Kedua	<p>Wajib:</p> <p>a) Pengajaran Amali (sebarang kelas hingga Darjah VII)</p> <p>b) Teori Pengajaran</p> <p>c) Karangan dan Parafrasa Bahasa Inggeris</p> <p>d) Lukisan (<i>Blackboard</i> dan geometri)</p> <p>Pilihan:</p> <p>a) Peristiwa penting Sejarah British</p> <p>b) Algebra ke Kuadratik</p> <p>c) Geometri (untuk <i>Junior Cambridge Local</i>)</p> <p>d) Kesusasteraan Inggeris</p>	<p>a) Aritmetik (<i>Senior Cambridge Local Standard</i>)</p> <p>b) Rencana</p> <p>c) Karangan Bahasa Inggeris (<i>Senior Cambridge Local Standard</i>)</p> <p>d) Pengajaran Amali</p> <p>e) Geografi Dunia secara umum dan Asas Geografi Fizikal</p> <p>f) Teori Pengajaran</p> <p>g) Lukisan (<i>Freehand</i> dan <i>Blackboard</i>)</p> <p>h) Pengetahuan Am dan Peristiwa Semasa</p>

Sumber: Sel. Sec. 1196/1909, *Result of the Normal Class Student Examination held on January 18 & 19*; Sel. Sec. 2787/1912, *New Scheme for Normal Class in the FMS*.

Perbandingan antara *Normal Class* di Selangor dan Perak

Walaupun British mengambil langkah proaktif untuk memajukan *Normal Class* pada tempoh 1905-1917, namun perkembangan ini nampak lebih ketara di Selangor berbanding negeri-negeri lain dalam NNMB. Ini dapat dibuktikan apabila dua buah *Normal Class* yang ditubuhkan di Perak iaitu Sekolah King Edward VII dan Sekolah Anderson tidak dapat berkembang seperti di Selangor.²⁶

Terdapat beberapa sebab *Normal Class* di Perak tidak berjaya. Sebab utama adalah kekurangan tenaga pengajar yang berkualiti terutama di Sekolah King Edward VII dan Sekolah Anderson School sebelum Perang Dunia Pertama. Guru-guru Eropah tidak berpuas hati dengan

gaji yang diterima sedangkan beban tugas yang mereka tanggung adalah sangat tinggi.²⁷ Mereka dikehendaki memastikan calon guru yang terdiri daripada bangsa Cina dan India benar-benar menguasai penulisan esei dan dapat bertutur dalam bahasa Inggeris dengan lancar. Hal ini sudah tentu mencabar keupayaan mereka untuk mengubah calon guru berbangsa Cina dan India yang sudah terbiasa berkomunikasi dengan menggunakan bahasa ibunda mereka untuk bertutur dengan fasih dalam Bahasa Inggeris.²⁸ Selain itu, gaji yang rendah juga menghilangkan minat guru-guru Eropah untuk berkhidmat dengan cemerlang di sekolah Inggeris, malah menyebabkan mereka enggan menyambung semula selepas tamat perkhidmatan di NNMB.²⁹

Keadaan ini diburukkan lagi apabila guru-guru Eropah meletakkan jawatan semata-mata untuk membantu negara asal bagi menghadapi Perang Dunia Pertama³⁰ dengan meninggalkan hanya beberapa orang guru Eropah yang kurang berkualiti.³¹ Misalnya, H.L. Rose sahaja yang terus mengajar di King Edward VII School selepas kesemua guru Eropah yang lain pulang ke negara asal mereka. Guru-guru yang ada terbeban dengan tekanan kerja yang berlebihan akibat kekurangan guru Eropah. Hal ini secara tidak langsung memberikan impak yang besar kepada guru tidak terlatih dan pelajar untuk menceburi bidang perguruan.

Perletakan jawatan dan keengganan guru Eropah untuk meneruskan perkhidmatan di Perak menyebabkan profesion perguruan kurang diminati oleh guru tidak terlatih dan pelajar lepasan sekolah Inggeris seterusnya menghambat mereka untuk mengikuti *Normal Class*. Bukan itu sahaja, keadaan ini juga mendorong guru-guru tidak terlatih memberi alasan untuk tidak menghadiri *Normal Class*. Sebagai contoh, guru-guru tidak terlatih dari Anglo Chinese Parit Buntar, Sekolah Inggeris Batu Gajah, Sekolah Inggeris Tronoh, dan Sekolah Inggeris Bagan Serai sering tidak menghadiri *Normal Class* di Ipoh dan Taiping dengan memberi alasan rumah mereka jauh dari pusat *Normal Class*. Keengganan mereka mengikuti pengajian di *Normal Class* bukan sahaja menyebabkan taraf pendidikan bermutu rendah malah British terpaksa mengurangkan kos perbelanjaan sekolah yang berkenaan termasuklah gaji guru. Hal ini dapat dibuktikan pada tahun 1909, apabila British enggan memberi bantuan kepada Sekolah Inggeris Bagan Serai kerana taraf pendidikan sekolah berkenaan sangat rendah jika dibandingkan dengan sekolah Inggeris yang lain.

Situasi ini berbeza dengan *Normal Class* di Selangor yang kurang menghadapi masalah perletakan jawatan dalam kalangan guru-guru Eropah yang hampir kesemuanya terdiri daripada pendakwah Kristian. Di samping itu, Selangor berbeza daripada Perak kerana kesemua sekolah Inggeris di negeri ini dikelolakan oleh pendakwah Kristian dan orang perseorangan. Beberapa kajian menyatakan pendakwah Kristian berbeza daripada guru biasa kerana mereka sanggup bekerja dengan gaji yang rendah semata-mata untuk menyebarkan agama Kristian dan melakukan aktiviti sosial dengan mengajar di sekolah. Selain itu, pendakwah Kristian juga percaya bahawa mengajar merupakan pekerjaan suci dan boleh menyebabkan mereka mencapai syurga.³² Hal ini mendorong tenaga pengajar di *Normal Class* di Institut Victoria memberikan sokongan penuh kepada *Inspector of Schools Selangor* dalam menghasilkan guru yang berkualiti sepertimana yang dapat dibuktikan daripada kenyataan *Inspector of School Selangor* seperti berikut: *I was assisted in the School Teaching by Messrs. Proudlock of the Institut Victoria and Brother Gilbert of the St. John's Institution.*³³ Jelas di sini, sikap pendakwah Kristian di Institut Victoria yang mementingkan kepuasan kerja yang tinggi secara tidak langsung mengurangkan masalah perletakan jawatan dan ponteng kerja dalam kalangan tenaga pengajar di *Normal Class*.

Bukan itu sahaja, *Normal Class* di Institut Victoria juga melantik beberapa orang guru Eropah yang mempunyai kepakaran dalam mata pelajaran seperti Matematik dan Bahasa Inggeris seperti T.C. Maxwell, D.A. Bishop, J.B. Carr dan lain-lain.³⁴ Hal ini dilakukan bagi

memastikan guru-guru tempatan yang dilahirkan benar-benar menguasai mata pelajaran berkenaan. Di samping itu, British turut menyediakan tangga gaji yang berbeza bagi tenaga pengajar di *Normal Class* Institusi Victoria berdasarkan pengalaman dan kelayakan akademik mereka. J.B. Carr yang mempunyai sijil perguruan menerima gaji bulanan sebanyak \$25 manakala Proudlock yang berkelulusan lebih tinggi dan berpengalaman pula menerima gaji bulanan sebanyak \$50.³⁵ Langkah yang diambil oleh British di Selangor sudah semestinya bertujuan untuk membangunkan guru tempatan yang berkualiti.

Sementara itu, keputusan peperiksaan akhir tahun di Institut Victoria, Kuala Lumpur adalah lebih baik daripada pusat-pusat *Normal Class* yang lain seperti di Ipoh dan Taiping. Hal ini disebabkan pemantauan yang kerap oleh pemangku Pengarah Pelajaran terutama dalam hal perjalanan *Practical Teaching Examination*. *Practical Teaching* dianggap penting kerana guru pelatih didedahkan amalan pengajaran dan kaedah pengajaran yang terbaik, malah menyediakan guru dengan contoh bilik darjah yang sebenar. Ia bukan sahaja menyumbang kepada peratus kelulusan yang lebih tinggi, bahkan berupaya menarik lebih ramai calon dari luar Selangor untuk mengikuti latihan perguruan di *Normal Class* di Institut Victoria.³⁶ Kemampuan Institut Victoria menjuarai tempat teratas dari segi jumlah calon yang lulus ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Bilangan Calon yang Lulus Bagi Tiga Pusat *Normal Class*, 1908-1917

Tahun	Kuala Lumpur		Ipoh		Taiping	
	Tahun Pertama	Tahun Kedua	Tahun Pertama	Tahun Kedua	Tahun Pertama	Tahun Kedua
1908	6	3	-	-	-	-
1909	5	5	-	-	2	3
1910	7	5	5	1	3	1
1911	-	-	-	-	-	-
1912	7	4	3	4	7	3
1913	-	-	5	3	1	5
1914	4	1	-	-	-	-
1915	7	3	5	2	0	0
1916	8	8	-	-	-	-

Sumber: Annual Report Federated Malay States for the Year 1908, 1909, 1910, 1911, 1912, 1913, 1914, 1915 and 1916.

Berdasarkan Jadual 2, ternyata bilangan guru pelatih yang lulus peperiksaan adalah lebih tinggi di Kuala Lumpur jika dibandingkan dengan di Taiping dan Ipoh. Hal ini demikian kerana, terdapat permintaan yang tinggi terhadap guru-guru yang dapat berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris di Kuala Lumpur. Ia dianggap penting untuk memajukan sektor perdagangan, perniagaan dan pelaburan di Kuala Lumpur. Bukan itu sahaja, Kuala Lumpur merupakan pusat pentadbiran NNMB dan *Normal Class* di sini mendapat permintaan tinggi daripada para kapitalis untuk memajukan sekolah Inggeris. Secara tidak langsung, hal ini memberikan impak yang besar untuk meningkatkan lagi penyertaan calon guru ke *Normal Class* di Kuala Lumpur. Sebaliknya, kekurangan tenaga pengajar yang berkualiti di Taiping dan Ipoh menurunkan minat guru tidak terlatih dan pelajar lepasan sekolah Inggeris untuk menceburi profesyen perguruan. Apa yang nyata, penubuhan *Normal Class* di Institut Victoria bukan sahaja melahirkan guru-guru yang berkualiti malah turut menyumbangkan kelas sosial baru terutama di Kuala Lumpur dan persekitarannya.

Penutup

Secara keseluruhan, dapat dilihat bahawa mutu pendidikan di sekolah Inggeris menjadi lebih terjamin selepas penubuhan *Normal Class* di NNMB. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan pencapaian pelajar di sekolah Inggeris. Guru-guru tempatan yang dihasilkan daripada *Normal Class* turut sama menggembeng tenaga dalam membangunkan sekolah-sekolah Inggeris. Perubahan ini bukan sahaja memberikan faedah kepada guru, pelajar dan ibu bapa, malahan turut menguntungkan pihak British. Hal ini kerana dengan membangunkan *Normal Class* di NNMB, berlaku peningkatan bilangan pelajar yang berkebolehan menguasai pertuturan dan penulisan dalam Bahasa Inggeris. Hasilnya, lebih ramai tenaga kerja profesional, separa mahir dan buruh kasar yang dapat berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris berjaya dilahirkan di NNMB. Hal ini seterusnya memberikan sumbangan yang besar kepada pembangunan sosioekonomi kawasan bandar di NNMB, khususnya Perak, Selangor dan Negeri Sembilan.

Walaupun terdapat tiga buah pusat *Normal Class* di NNMB dalam tempoh 1905-1917, namun *Normal Class* di Institut Victoria lebih berjaya berbanding *Normal Class* di King Edward VII School dan Anderson School, Ipoh. Hal ini disebabkan inisiatif yang diambil oleh British di Selangor dengan melantik tenaga pengajar yang mempunyai kepakaran dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik untuk mengajar di *Normal Class* di Victoria Institution. Ia bukan sahaja meningkatkan kecemerlangan guru-guru pelatih dalam peperiksaan di *Normal Class* Institut Victoria malah meningkatkan minat pelajar lepasan sekolah Inggeris untuk menceburi profesyen perguruan. Selain itu, *Normal Class* di Institut Victoria juga berjaya susulan langkah British sendiri yang meningkatkan pelaburan asing bagi menjana pertumbuhan ekonomi dan pemandaran di Kuala Lumpur. Dengan adanya latihan perguruan yang berkualiti di Institut Victoria ia dapat meningkatkan bilangan pegawai tempatan di jabatan-jabatan kerajaan yang fasih bertutur dalam Bahasa Inggeris.

Nota

¹ Thomas Fitzpatrick, *Faith in Education*, London: Mungo Books, 2009, hlm. 142.

² D.D. Chelliah, *A History of The Educational Policy of The Straits Settlements with Recommendations for a New System Based on Vernaculars*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1940, hlm. 130.

³ C.A. Richardson, Helene Brule, & H.E. Snyder, *The Education of Teachers in England, France and the U.S.A.*, Paris: The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization, 1957, hlm. 17.

⁴ Dr. Andrew Bell merupakan seorang paderi gereja yang mengguna pakai *monitorial system* untuk mengajar anak-anak yatim piatu di Madras, India. Langkah ini untuk membolehkan mereka menerima pelajaran dan dapat meneruskan kehidupan selepas keluar dari rumah anak yatim piatu. Sila rujuk, Thomas C. Hunt, Thomas J. Lasley, II, *Encyclopedia of Educational Reform and Dissent, Volume 1*, London: Sage Publications, 2010, hlm. 26.

⁵ M. Gomersal, *Working-Class Girls in Nineteenth-Century England: Life, Work and Schooling*, London: Macmillan Press Ltd, 1997, hlm. 5.

⁶ Ernest Green, Harold Shearman, *Education for A New Society (RLE Edull Sociology of Education)*, London: Routledge, 1942, hlm. 7.

⁷ Pam Hirsch, Mary Hilton, *Practical Visionaries: Women, Education and Social Progress, 1790-1930*, London: Routledge, 2000, hlm. 30.

⁸ Ibid.

⁹ Pelajar lepasan sekolah rendah yang berumur 13 tahun dipilih untuk menjadi *pupil teacher* bagi mengikuti latihan perguruan selama lima tahun. Hal ini demikian kerana pada peringkat umur berkenaan pelajar telah matang dalam pembacaan dan pendengaran, malah mereka juga mencapai kematangan seperti orang dewasa. Kematangan ini

membbolehkan guru besar memberi latihan perguruan selepas waktu persekolahan. *Pupil teacher* didedahkan latihan mengajar selama 7 ½ jam seminggu. Dalam pada itu, mereka juga menduduki peperiksaan tahunan dan diperiksa oleh *Inspector of Schools*. Bukan itu sahaja, *pupil teacher* dan guru besar juga turut menerima elaun. Lihat, Paul A. Olson, *The Kingdom of Science: Literary Utopianism and British Education 1612-1870*, New York: University of Nebraska Press, 2002, hlm. 353.

¹⁰ Jane McDemid, *The Schooling of Girls in Britain and Ireland, 1800-1900*, New York: Routledge, 2012, hlm. 119.

¹¹ Robin Peel, Annette Hinman Patterson, Jeanne Marcum Gerlach, *Question of English: Ethics, Aesthetic, Rhetoric and the Formation of the Subject in England, Australia and the United States*, London: Routledge Falmer, 2000, hlm. 198.

¹² Ibid.

¹³ Paul A. Olson, *The Kingdom of Science: Literary Utopianism and British Education 1612-1870*, hlm. 353.

¹⁴ Sel. Sec. 227/03, *The System of Education in the Federated Malay States, 1903*, hlm. 29-30.

¹⁵ Akta Pendidikan 1902 juga dikenali sebagai Akta Balfour. Akta ini dianggap sangat kontroversi kerana menetapkan corak pendidikan asas di England dan Wales selama empat dekad. Akta ini diluluskan oleh Parti Konservatif dan disokong oleh Gereja England. Walau bagaimanapun, akta ini ditentang oleh Nonconformists dan Parti Liberal. Lihat, Rooger Cooter, *In the Name of the Child: Health and Welfare, 1880-1940*, London: Routledge, 1992, hlm. 69.

¹⁶ Henry Barnard, *Normal Schools and Other Institutions, Agencies, and Means Designed for the Professional Education of Teachers: United States and British Provinces, Part 1*, Bavaria: Hartford, Tiffany and Company, 1851, hlm. 4-6.

¹⁷ Paul Min Phang Chang, *Educational Development in a Plural Society: A Malaysian Case Study*, Kuala Lumpur: Academia Publications, 1973, hlm. 36.

¹⁸ C.O.576/1, *Annual Report for 1905*, Kuala Lumpur: Printed at the F.M.S. Government Printing Office, 1906, hlm. 15.

¹⁹ Philip Loh Fook Seng, *Seeds of Separatism: Educational Policy in Malaya 1874-1940*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 113.

²⁰ C.O.576/1, *Annual Report for 1905*, hlm. 15.

²¹ D.D. Chelliah, *A History of The Educational Policy of The Straits Settlements with Recommendations for a New System Based on Vernaculars*, hlm. 130.

²² Ibid.

²³ Philip Loh Fook Seng, "A Review of the Educational Developments in the Federated Malay States to 1939", *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 5, No. 2, Sep. 1974, hlm. 225-238.

²⁴ G.B. Rea, *The Far Eastern Review: Engineering Commerce, Finance, Volume 2*, New York: Cornell University, 2014, hlm. 16.

²⁵ C. Hirschman, "Educational Patterns in Colonial Malaya", *Chicago Journal*, Vol. 16, No. 3, Oct. 1972, hlm. 486-502.

²⁶ Terdapat dua buah *Normal Class* di Perak pada tempoh tahun 1907-1917 iaitu King Edward VII School dan Anderson School Ipoh. *Normal Class* di King Edward VII School ditubuhkan pada tahun 1907 manakala *Normal Class* di Anderson School Ipoh pula ditubuhkan pada tahun 1909. Lihat, R.O. Winstedt, *Education in Malaya*, Singapore: Fraser and Neave, Limited, Printers, 1923, hlm. 21.

²⁷ Vicki Denese Crinis, 'The Silence and Fantasy of Women and Work', Tesis Ph.D., University of Wollongong, 2004, hlm. 58-68.

²⁸ Thanaraj Mariasoosay, 'Perspective on Language Policies in Malaysia', Degree of Master, University of Durham, 1996, hlm. 19.

²⁹ Lennox A. Mills, *British Rule in Eastern Asia: A Study of Contemporary Government and Economic Development in British Malaya and Hong Kong*, London: Oxford University Press, 1942, hlm. 335.

³⁰ A. & C. Black, *Who was who: A Companion to Who's Who, Containing the Biographies of Those who Died During the Period 1951-1960, Volume 5*, 1961, hlm. 365.

³¹ C.O.576/3, *Perak Administration Report for the Year 1908*, by E. W. Birch, Kuala Lumpur: Printed at the F.M.S. Government Printing Office, 1909, hlm. 21.

³² Jonathan Edwards, *The Works of Jonathan Edwards: Volume I – III*, Ontario: Devoted Publishing, 2017, hlm. 43.

³³ Sel. Sec. 1196/1909, Result of the Normal Class Student Examination held on January 18 & 19.

³⁴ Sel. Sec. 4971/1916, List under g.o.239. (Normal Class Instructor).

³⁵ Ibid.

³⁶ Sel. Sec. 1972/1908, Reports Arrival in Kuala Lumpur to Conduct the Examination of the Students of the Training Class.